

HADIS

Jurnal Ilmiah Berwasit
Artikel-Artikel Berorientasikan Kajian dan
Penyelidikan Dalam Bidang Hadis

Diterbitkan Oleh
Institut Kajian Hadis (INHAD)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Tahun kelima, Bil: 9, Syaaban 1436h, (Jun 2015)

Bilangan ini

**PERANAN KITAB *SHURUH AL-HADIS* DALAM PENTERJEMAHAN
METAFORA FOKUS KEPADA KITAB *DALIL AL-FALIHIN***

Saifulah bin Samsudin, Prof Madya Dr. Muhammad Fauzi bin Jumingan, Prof.
Madya Dr. Abdul Rauf bin Hassan, Dr. Muhd Zulkifli bin Ismail.

**PENGAJIAN HADITH DI MASJID DAN SURAU SEKITAR SHAH
ALAM, SELANGOR TINJAUAN TERHADAP KEFAHAMAN
HADITH**

Mohd Azrin Bin Johari.

FORMAT JURNAL HADIS

Jurnal Hadis merupakan pendokumentasian artikel-artikel ilmiah yang berorientasikan hadis dan pengajiannya. Jurnal hadis diterbitkan sebanyak dua kali dalam setahun pada setiap Jun dan Disember.

Garis panduan penulisan artikel:

- 1) Artikel hendaklah menepati tema jurnal hadis yang diterbitkan.
- 2) Artikel hendaklah bersifat asli dan memenuhi syarat dan format sebuah penulisan jurnal.
- 3) Artikel yang dihantar hendaklah memelihara akidah Islam dan tidak bertentangan dengan syariat Islam, tidak memandang negatif pada mana-mana mazhab serta peribadi individu tertentu.
- 4) Artikel hendaklah memenuhi format sebuah jurnal ilmiah dalam memberi kesahan maklumat, perincian sumber-sumber hadis dan statusnya, serta memastikan ayat-ayat al-Quran ditulis dengan menyertakan nama surah dan nombor ayat.
- 5) Artikel hendaklah menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dari aspek tatabahasa dan olahannya.
- 6) Artikel yang dihantar bukan merupakan artikel yang pernah dibentangkan oleh jurnalis atau diterbitkan oleh mana-mana pihak penerbitan.
- 7) Artikel hendaklah tidak melebihi 40 halaman, bersaiz A4, jenis tulisan traditional Arabic, saiz tulisan 16, langkau 1.5, saiz tulisan bagi nota kaki 12.
- 8) Penyumbang artikel hendaklah mengemukakan *resume* atau pengenalan diri berserta kepakaran yang dimiliki.

Nota: Penyumbang artikel yang berminat untuk menghantar bahan masing-masing hendaklah menghantar artikel tersebut kepada Ketua Pengarang Jurnal Hadis INHAD. Artikel yang dihantar akan diwasitkan dan artikel yang berjaya untuk diterbitkan setelah proses pewasitan akan dimaklumkan kepada penyumbang.

hadis2008inhad@gmail.com

Alamat surat-menyurat:

Ketua Editor Jurnal Hadis.

INSTITUT KAJIAN HADIS (INHAD).

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Bandar Seri Putra 43600, Bangi.

Selangor, **MALAYSIA.**

SIDANG REDAKSI JURNAL HADIS

Penaung

Prof Madya. Dato' Dr. Ab. Halim bin Tamuri
(Rektor KUIS)

Penasihat

Syed Abdul Majid Ghouri

Ketua Editor

Mohd Norzi bin Nasir

LEMBAGA PENASIHAT ANTARABANGSA

DR. RIF'AT FAUZI ABD. MUTALIB

(Mantan Pensyarah Hadis di kebanyakan universiti di Mesir dan Arab Saudi).

PROF. DR. MUHAMMAD 'AJAJ AL-KHATIB

(Profesor Hadis dan Mantan Ketua, Bahagian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Syariah Universiti Dimasyq, dan di kebanyakan universiti di Arab Saudi dan negara-negara Teluk).

DR. BADI' AL-SAYYID AL-LAHHAM

(Pensyarah Hadis, Fakulti Syariah Universiti Dimasyq, Syria).

DR. SALMAN AL-HUSNI AL-NADWI

(Pensyarah Hadis di Fakulti Syariah dan Usuluddin, Universiti Nadwatul Ulama, Rektor Universiti Imam Ahmad bin Irfan al-Syahid, INDIA).

DR. NIZAM MUHAMMAD SOLIH YA'QUBI

(Pakar Ekonomi Islam di Bahrain, Ahli Lembaga Penasihat Syariah di kebanyakan Bank dan Yayasan Kewangan).

DR. MUHAMMAD AKRAM AL-NADWI

(Felo Penyelidik di Pusat Pengajian Islam Oxford, Oxford Britain).

PROF. DR. MUHAMMAD ABU LAITH AL-KHAIRABADI

(Profesor Hadis, Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Malaysia).

DR. SHAYUTHY B. ABDUL MANAS

Penolong Profesor, Jabatan Al-Quran Dan Al-Sunnah, Fakulti Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). (Malaysia).

PROF. MADYA DR. NAJM ABDULRAHMAN KHALAF

Professor Madya, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

KANDUNGAN JURNAL

**PERANAN KITAB *SHURUH AL-HADIS* DALAM PENTERJEMAHAN
METAFORA FOKUS KEPADA KITAB *DALIL AL-FALIHIN***

Saifulah bin Samsudin, Prof Madya Dr. Muhammad Fauzi bin Jumingan, Prof.
Madya Dr. Abdul Rauf bin Hassan, Dr. Muhd Zulkifli bin Ismail..... 7

**PENGAJIAN HADITH DI MASJID DAN SURAU SEKITAR SHAH
ALAM, SELANGOR TINJAUAN TERHADAP KEFAHAMAN
HADITH**

Mohd Azrin Bin Johari.....21

**PERANAN KITAB *SHURUH AL-HADIS*
DALAM PENTERJEMAHAN METAFORA
FOKUS KEPADA KITAB *DALIL AL-FALIHIN***

Oleh:

**Saifulah bin Samsudin¹
Prof Madya Dr. Muhammad Fauzi bin Jumingan²
Prof. Madya Dr. Abdul Rauf bin Hassan³
Dr. Muhd Zulkifli bin Ismail⁴**

ABSTRAK

Kajian ini menumpu kepada peranan kitab shuruh al-hadis dalam membantu penterjemah memahami maksud matan sesuatu hadis sekaligus membantu menjayakan sesuatu proses penterjemahan. Fokus kajian ialah metafora yang terdapat dalam hadis Rasulullah S.A.W dalam kitab Riyadh al-Salihin karangan Imam al-Nawawiyy. Dua korpus utama digunakan dalam kajian ini iaitu Kitab Terjemahan Riyadh al-Salihin terbitan BAHEIS serta kitab Dalil al-Falihin li Turuq Riyadh al-Salihin karangan Ibn ‘Allan al-Dimashqiyy.

1. PENDAHULUAN

Penterjemahan kitab-kitab agama Islam merupakan satu aktiviti yang diberikan fokus utama oleh para penterjemah di Malaysia. Jika dilihat kepada penambahan karya terjemahan berorientasikan bidang pengajian Islam di pasaran menjadi bukti hakikat ini. Buku-buku terjemahan seperti “Pendidikan Awal Kanak-kanak dalam Islam” (*Tarbiyyat al-Awlad*) tahun 2000, kitab “Fiqh Mazhab Syafie” (*al-Fiqh al-Manhaji*) tahun 2005, serta “Aku dan al-Ikhwan al-Muslimun” (*Ana wa al-Ikhwan al-Muslimun*) tahun 2011 merupakan antara buku-buku yang menjadi tumpuan

¹ Jabatan Bahasa dan linguistik Arab Akademi Islam, KUIS.

² Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

³ Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

⁴ Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.

pembaca. Bahkan beberapa buku seperti “Jangan Bersedih” (*La Tahzan*) karangan Dr. ‘Aidh al-Qarniyy telah mendapat sambutan yang amat baik sehingga diterjemah ke dalam bahasa Melayu oleh beberapa penterjemah.

Salah satu disiplin ilmu pengajian Islam yang menjadi fokus para penterjemah Arab-Melayu ialah disiplin ilmu hadis. Terdapat banyak sekali kitab-kitab hadis yang telah diterjemah ke dalam bahasa Melayu, seperti kitab *Mukhtasar Abi Jamrah* dan Hadis 40 terjemahan Ustaz Mustafa Abdul Rahman, serta *Mukhtasar Sahih al-Bukhariy li al-Zabidiy* terjemahan Institut Kajian Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (INHAD) pada tahun 2010.

2. DEFINISI TERJEMAHAN

Nida & Taber menyifatkan penterjemahan sebagai satu aktiviti menghasilkan semula mesej teks sumber dengan persamaan sejadi yang paling hampir dalam bahasa teks sasar⁵. Namun begitu, penterjemahan adalah satu seni yang sukar. Ia memerlukan bakat dan pengetahuan yang tinggi dalam pelbagai bidang, khususnya berkaitan bahasa sumber dan bahasa sasar. Ia satu profesion yang mempunyai disiplin atau yang harus ada disiplinnya yang tersendiri dari segi ilmu pengetahuan penterjemahan dan disiplin dari segi ilmu tatasusila ikhtisas⁶.

Terjemahan memerlukan usaha yang besar bahkan lebih besar daripada usaha yang digunakan untuk penulisan sesebuah buku. Hal ini disebabkan penterjemah dibataskan oleh teks penulis serta ideanya. Ia tidak memiliki kebebasan mutlak sebagaimana penulis dalam memilih perkataan dan makna yang dirasakan sesuai⁷.

Para pengkaji meletakkan pelbagai syarat untuk menjadi penterjemah yang baik antara yang ditekankan ialah penguasaan penterjemah ke atas bahasa sumber dan bahasa sasar. Penterjemah juga hendaklah memahami konteks budaya sesuatu teks yang

⁵ Nida, E.A dan Taber, C.R, 1982. *The Theory and Practice of Translation*. E.J Brill, Leiden. hlm: 12.

⁶ Hassan Ahmad, 1988 *Penterjemah Ialah Seorang Profesional, dalam: Bahasa Sastera Buku, Cetusan Hassan Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

⁷ Ibrahim Zaki Khur Shid, 1985, *al-Tarjamah wa Mushkilatuha*. al-Hay’ah al-Misriyyah al-‘Ammah lil kitab. hlm: 5

ingin diterjemahkan. Penguasaan bidang yang berkait dengan teks sumber juga perlu ditekankan⁸.

Dari perspektif ilmu hadis, para cendekiawan Islam telah meletakkan garis panduan yang terperinci dalam berinteraksi dengan hadis Rasulullah S.A.W. Dalam memahami makna lafaz hadis, al-Qardawiyy⁹ berpandangan bahawa kamus memainkan peranan yang penting dalam memahami teks hadis, khususnya bagi generasi umat Islam yang semakin jauh meninggalkan zaman Rasulullah S.A.W. Tetapi beliau turut mengingatkan bahawa pendekatan bahasa sahaja tidak dapat memberikan kefahaman yang sebenar, khususnya untuk menghadapi realiti umat Islam yang berbeza pada hari ini. Seorang penterjemah hendaklah menguasai teks yang ingin diterjemahkan dan ini tidak memadai hanya dengan menggunakan kamus atau merujuk kitab tatabahasa semata-mata¹⁰.

3. PERMASALAHAN DALAM MENTERJEMAH METAFORA

Metafora boleh didefinisikan sebagai salah satu daripada bahasa figuratif. Ia bermaksud sepatah perkataan atau frasa diguna pakai bukan untuk makna asal. Konsep bukan makna asal ini membawa persamaan atau analogi dengan satu makna lain yang lebih asal dari perkataan atau frasa yang sama¹¹. Dalam bahasa Arab, metafora dipanggil *al-isti'arah* dan merupakan salah satu elemen ilmu *al-bayan* dalam disiplin ilmu *balaghah* Arab¹².

Dari aspek penterjemahan, metafora seringkali menjadi fokus utama para penterjemah. Ketika permasalahan dasar dalam penterjemahan ialah pemilihan umum metod penterjemahan bagi sesuatu teks, penterjemahan metafora pula menjadi masalah

⁸ Majdi Ibrahim. 2009. *al-Tarjamah bayn al-Arabiyyah wa al-Malayuwiyyah: al-Nazariyyat wa al-Mabadi'*. IIUM Press. hlm: 49.

⁹ al-Qardawiyy, Yusof. 2006, *Kayf nata'amalu ma'a al-Sunnah*, Qahirah: Dar al-Shuruq. hlm: 18.

¹⁰ Muhammad 'Ananiyy, 2000, *Fann al-Tarjamah*, Beirut-Lubnan. Maktabah Lubnan. hlm: 7.

¹¹ Newmark, Peter. 2006. Newmark, Peter. 2006. *al-Jami' fi al-Tarjamah*, (A Textbook of Translation). Terjemahan: Hassan Ghazzalah. Beirut: Dar wa Maktabat Hilal.

¹² Maheram Ahmad, 2008, *Permasalahan Terjemahan Arab Melayu: Satu Analisis Teks Sastera*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm: 18.

khusus yang paling penting dalam terjemahan¹³. Tujuan utama dan penting metafora adalah untuk memerikan sesuatu benda, peristiwa atau sifat secara lebih tuntas dan padat dan dalam cara berbelit sedikit berbanding sekiranya kita menggunakan bahasa yang biasa¹⁴.

Unsur metafora sememangnya suatu unsur bahasa figuratif yang sukar dikesan maknanya, khususnya oleh pembaca sasaran¹⁵. Malah sebagai penterjemah, kaedah untuk mengenali kehadiran metafora ini agak sukar melainkan pembaca itu sudah biasa dengan konsep metafora.

Dapat disimpulkan bahawa kekangan dalam menterjemah metafora ini terdapat pada beberapa aspek antaranya aspek budaya dan linguistik.

4. METODOLOGI

4.1 Objektif Kajian

Kajian ringkas ini untuk mengenalpasti peranan kitab *shuruh al-hadis* dalam membantu penterjemah mengenalpasti maksud *matan* hadis yang ingin diterjemah. Kajian ini memberikan tumpuan kepada penterjemahan metafora yang terdapat dalam hadis-hadis Rasulullah S.A.W. dalam kitab *Riyadh al-Salihin*. Di samping itu, kajian turut melihat peranan huraian kitab *Dalil al-Falihin* dalam mengenal pasti pendekatan terjemahan yang digunakan dalam Kitab Terjemahan *Riyadh al-Salihin* (akan diringkaskan selepas ini dengan KTRS) terbitan BAHEIS.

4.2 Skop Kajian

Kajian ini menfokuskan kepada peranan kitab *Dalil al-Falihin* dalam membantu penterjemah dalam memahami maksud sebenar sesuatu teks hadis bagi menjayakan proses penterjemahan. Bagi menjadikan kajian lebih terarah, fokus akan diberikan kepada aspek penterjemahan metafora yang terdapat dalam korpus pilihan iaitu KTRS terbitan BAHEIS.

¹³ Newmark, Peter. *ibid.*

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ Muhammad Fauzi Jumingan, 2003. *Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab Melayu: Satu Analisis Teori Relevan*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Alam dan Tamadun Melayu. UKM.

4.3 Korpus Kajian

Linguistik korpus adalah salah satu bidang linguistik yang merangkumi, kebiasaannya, proses analisis sejumlah besar teks yang disimpan secara elektronik yang dibantu oleh perisian komputer¹⁶. Kennedy¹⁷ pula menyatakan bahawa korpus ialah satu himpunan teks yang disimpan sebagai data dalam komputer atau bukan komputer dan maklumat yang disimpan dalam korpus dipanggil kopura. Manakala Norwati Md. Yusuf¹⁸ pula menyatakan bahawa kajian korpus bermaksud mana-mana koleksi bertulis, dalam bentuk diproses atau tidak, yang kebiasaannya ditulis oleh pengarang atau penulis tertentu. Justeru, kajian ini menfokuskan dua kitab utama sebagai sumber analisis.

4.3.1. Terjemahan *Riyadh al-Salihin*

Kitab Terjemahan *Riyadh al-Salihin* telah diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS). Kitab ini merupakan terjemahan dan huraian daripada sebuah kitab hadis karya Imam al-Nawawiyy *rahimahullah* yang berjudul *Riyadh al-Salihin*. Cetusan idea untuk menerbitkan kitab Terjemahan *Riyadh al-Salihin* ini berdasarkan kekurangan bahan bacaan dalam bidang pengajian hadis yang mudah difahami, khususnya dalam bahasa Melayu. Kitab ini telah diterbitkan dalam lapan jilid¹⁹. Kitab *Riyadh al-Salihin* merupakan sebuah kitab yang memuatkan himpunan hadis berkenaan akhlak dan tasawuf. Kitab ini dibahagikan kepada 372 bab dan mengandungi 1896 buah hadis.

Hasil terjemahan daripada kitab ini akan dijadikan sampel dalam menilai pendekatan terjemahan metafora. Penilaian ketepatan terjemahan dibuat dengan menjadikan maksud metafora yang dihuraikan oleh Ibn 'Allan dalam kitabnya *Dalil al-Falihin* sebagai kayu ukur.

¹⁶ Paul Baker, 2010. *Sociolinguistics and Corpus Linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press. hlm: 93.

¹⁷ Kennedy, Graeme. 1998. *An Introduction to Corpus Linguistics*. London: Addison Wesley Longman. hlm: 1

¹⁸ Norwati Md. Yusuf. 2003. *Saranan Kajian Korpus Terbanding dan Korpus Selari*. Himpunan kertas kerja persidangan penterjemahan antarabangsa ke-9. Hlm: 67-77.

¹⁹ JAKIM, 2011, hlm: 7.

4.3.2 Dalil al-Falihin

Kitab *Dalil al-Falihin Sharh Riyadh al-Salihin* adalah antara kitab yang menghuraikan isi kandungan kitab *Riyadh al-Salihin*. Ia disusun oleh Muhammad bin ‘Allan al-Siddiqiyy (meninggal pada tahun 676H). Kajian ini akan menggunakan cetakan Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah pada tahun 1995 sebanyak empat jilid.

4.4 Metod Analisis Data

Dalam kajian ini, sampel metafora diambil daripada kitab *Riyadh al-Salihin* karangan Imam al-Nawawiyy dengan melihat kepada terjemahannya yang terdapat dalam Kitab Terjemahan *Riyadh al-Salihin* terbitan BAHEIS. Pemilihan sampel dibuat adalah secara rawak.

Daripada aspek pendekatan terjemahan, kajian ini akan menjadikan dua pendekatan asas terjemahan, iaitu terjemahan literal dan terjemahan maknawi, sebagai penentu pendekatan terjemahan metafora dalam KTRS, setelah membandingkan dengan huraian yang dibuat oleh kitab *Dalil al-Falihin*.

Penterjemahan literal ialah proses di mana penterjemah menterjemahkan teks sumber ke dalam teks sasaran tanpa mengubah bentuk luaran, khususnya struktur linguistik teks asal²⁰. Manakala terjemahan maknawi pula ialah satu daripada bentuk terjemahan idiomatik di mana ketepatan terjemahan tidak tertakluk kepada bentuk teks tetapi tertakluk kepada maknanya²¹.

5. ANALISIS DATA

Analisis bagi setiap sampel yang dipilih adalah seperti berikut:

Data 1, No. hadis: 8

(إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَىٰ أَحْسَابِكُمْ ...)

Terjemahan: “*Sesungguhnya, Allah tidak melihat tubuh badan dan rupa paras kamu...*”²²

Ulasan: Metafora dalam hadis ini terdapat pada kata kerja *نظر* bermaksud *melihat*. Ibn Manzur menyatakan kata kerja *نظر*

²⁰Muhammad Fauzi Jumangan, 2006, *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad. hlm: 41.

²¹ *Ibid.* hlm: 44.

²² Muslim, Kitab *al-Birr*, Bab *Tahrim Zulm al-Muslim*, No. Hadis: 2564.

mengikuti al-Jawhariyy ialah تأمل الشيء بالعين (meneliti sesuatu dengan mata)²³.

Dalam hadis ini, perbuatan Allah memberi balasan dan penetapan diumpamakan dengan perbuatan melihat. *Jami'* yang menghimpunkan kedua-duanya ialah الملاحظة (pemerhatian), maka kata kerja ينظر merupakan metafora kerana ia merupakan *mushabbah bih* manakala *mushabbah* (pembalasan dan penetapan) tidak dinyatakan.

Ibn 'Allan menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan ينظر (melihat) dalam hadis ini ialah المجازة والإثبات (pembalasan dan penetapan)²⁴. Pendekatan ini adalah ringkas tanpa menghuraikan secara terperinci hubungan di antara kata perbuatan 'melihat' dengan perbuatan Allah iaitu memberi dan menetapkan balasan terhadap amalan seseorang berdasarkan niatnya.

Terjemahan yang diberikan dalam KTRS ialah makna dliteral perkataan ينظر, iaitu *melihat* tanpa menterjemahkan makna metaforikal yang dikehendaki, iaitu 'memberikan ganjaran'. Pendekatan ini merupakan pendekatan terjemahan literal. Teks ini memperlihatkan perbuatan Allah S.W.T, sudah pasti penterjemah perlu berhati-hati daripada menghasilkan terjemahan yang mengelirukan pembaca sasar. Dalam situasi ini huraian yang dibawa oleh Ibn 'Allan amat membantu penterjemah menghasilkan terjemahan yang tepat.

Data 2, No. hadis: 17

(إن الله تعالى ييسطُ يدهُ بالليل ليُتوب مُسيءُ النهار...)

Terjemahan: (Sesungguhnya, Allah membentangkan tanganNya (sebagai kemurahan menerima taubat) pada waktu malam untuk menerima taubat orang yang telah melakukan dosa pada waktu siang...)²⁵

Ulasan: Unsur metafora dalam al-Hadis ini terdapat pada frasa إن الله ييسطُ يدهُ dengan fokus kepada kata kerja ييسطُ yang disandarkan kepada kata nama يدهُ serta kata ganti nama bersambung bagi هو.

²³ Ibn Manzur, 2003, *Lisan al-Arab*, j: 14.

²⁴ Ibn 'Allan, *Ibid*, j1, hlm: 41.

²⁵ Muslim, Kitab : *al-Taubah*, Bab: *Ghiratullah*, No. hadis: 2760.

Ibn Manzur menyatakan makna kata nama البسط ialah والبسط والبسط. Maksud البسط ialah 'lawan bagi genggamannya'. Huraianya lagi apabila ia disandarkan kepada kata nama يد (tangan) seperti : ورجل بسيط اليدين : منبسط بالمعروف :. مقيض القبض (tangan) seperti : ia bermaksud "Lelaki yang banyak melakukan kebaikan"²⁶.

Ibn 'Allan²⁷ meriwayatkan pandangan al-Tibiyy, katanya: Frasa ini ialah perumpamaan bagi keadaan Allah mahukan taubat daripada hamba-Nya disamakan dengan keadaan orang yang kehilangan sesuatu (tidak dinyatakan dalam teks) yang berharga dan amat diperlukannya. Kemudian, dia mendapati barang itu berada bersama orang lain, lantas dia menghulurkan tangannya meminta. Kemudian, keadaan ini diguna pakai secara *mubalaghah* (hiperbola) dari aspek *al-musta'ar minhu* (menghulurkan tangan) untuk menunjukkan *mushabbah* dan *mushabbah bih* dari jenis yang sama. *Qarinah* yang menghalang maksud asal بسط اليد (menghulurkan tangan) di sini ialah lafaz Allah. Ibn 'Allan menyatakan maksud yang diinginkan di sebalik metafora ini ialah keagungan rahmat Allah S.W.T dan betapa Allah mengampunkan dosa-dosa para hamba-Nya.

Ini adalah satu lagi teks yang menyebut perbuatan Allah S.W.T. Penterjemah perlu berhati-hati dalam penterjemahan agar tidak mengelirukan pembaca sasar. Huraian Ibn 'Allan mampu membantu penterjemah mendatangkan maksud terbaik metafora ini. Pengekalan makna literal metafora ini boleh mengelirukan pembaca sasar. Pendekatan KTRS adalah dengan menggabungkan penterjemahan literal dengan penterjemahan maknawi. Pendekatan ini dilihat mampu mengelakkan kekeliruan dalam memahami maksud metafora ini.

Data 3, No. hadis: 60

(...إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدٌ بِيَاضِ الثِّيَابِ...)

Terjemahan: "...tiba-tiba muncul seorang lelaki yang berpakaian amat putih..."²⁸

Ulasan: Metafora dalam hadis ini terdapat pada frasa طلع علينا رجل (terbit). Ibn 'Allan menyatakan bahawa frasa ini ialah

²⁶ Ibn Manzur, *Ibid*, j:2.

²⁷ Ibn Allan, *Ibid*. j1, hlm: 61.

²⁸ Muslim, Kitab: *al-Iman*. no. hadis : 8.

metafora²⁹. Ia berasal daripada frasa *طلعت الشمس* (matahari terbit). Kemunculan lelaki tersebut diumpamakan dengan kemunculan matahari dengan tujuan untuk memuliakannya³⁰.

Pendekatan huraian dilihat agak terperinci dengan menyatakan bentuk persamaan di antara kedua-dua imej iaitu matahari (*mushabbah bih*) dan lelaki yang datang berjumpa Rasulullah S.A.W (*mushabbah*). Ibn ‘Allan turut menyatakan tujuan lelaki itu diumpamakan dengan imej matahari yang muncul iaitu untuk memuliakannya. Huraian yang agak terperinci ini dapat membantu penterjemah memahami elemen metafora ini serta tujuan ia digunakan.

Pendekatan terjemahan KTRS adalah dengan menggunakan terjemahan literal, namun dapat difahami dalam bahasa sasar dengan baik.

Data 4, No. hadis: 125

(الإيمانُ بضعٌ وسبعونَ، أو بضعٌ وسِتُونَ شَعْبَةً...).

Terjemahan: “*Iman itu ada tujuh puluh lebih atau enam puluh cabang...*”³¹

Ulasan: Metafora dalam hadis ini pada frasa *الإيمان بضع وستون شعبة*³² Rasulullah S.A.W telah menyamakan iman (*mushabbah*) itu dengan sebatang pokok (*mushabbah bih*) yang mempunyai 60 atau 70 lebih cabang. *Wajh al-shibh* pada kedua-duanya ialah persamaan mempunyai cabang yang banyak.

Imam al-Nawawiyy menyatakan bahawa makna yang dikehendaki dengan perkataan *شعبة* ialah *قطعة* (bahagian atau jujuk). Ibn ‘Allan pula menyatakan bahawa perkataan *شعبة* dari segi bahasa ialah *dahan pokok* atau *cabangan bagi sesuatu* manakala makna yang dikehendaki dalam hadis ini ialah *الخصلة* (bahagian) atau *الجزء* (jujuk)³³.

Huraian Ibn ‘Allan terhadap metafora ini daripada dua aspek, iaitu makna asal perkataan (makna kamus) serta makna metaforikal. Pendekatan ini lebih memberikan penjelasan kepada

²⁹ Ibn ‘Allan, *Ibid*, j: 1, hlm: 155.

³⁰ Muhammad Bilu, 1979, *Min Balaghat al-Sunnah*. Shari’ al-Suq al-Tawfiqiyat: Matba’at Atlas, hlm: 21.

³¹ al-Bukhariyy, Kitab: *al-Iman*, Bab: *umur al-Iman*, no. hadis: 48.

³² Fadl Hassan ‘Abbas, *Ibid*, hlm: 223-224.

³³ Ibn ‘Allan, *Ibid*. J:1, hlm: 267.

penterjemah. Namun beliau tidak menghuraikan metafora ini dari aspek analisis balaghah secara terperinci dengan menerangkan rukun-rukun *isti'arah* (metafora) yang terdapat dalamnya.

Terjemahan KTRS berasaskan terjemahan literal dengan menggunakan makna “cabang” dan tidak menggunakan makna motaforikal bagi perkataan tersebut. Namun pengkaji melihat terjemahan boleh difahami kerana penggunaan perkataan “cabang” dalam bahasa Melayu sering merujuk kepada “bahagian”.

Data 5. No. hadis: 319

(رَغِمَ أَنْفٌ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ، ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ مَنْ أَدْرَكَ أَبَوَيْهِ عِنْدَ الْكِبَرِ، أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا، فَلَمْ يَدْخُلِ الْجَنَّةَ) .

Maksudnya: “*Hinalah kemudian hinalah kemudian hinalah (bagi) mereka yang sempit hidup bersama dengan salah seorang daripada ibu bapanya atau kedua-duanya sekali ketika mereka tua sedangkan dia tidak dapat masuk syurga (dengan sebab itu).*”³⁴

Ulasan: Metafora dalam hadis ini terdapat pada frasa رَغِمَ أَنْفٌ. Ibn ‘Allan menyatakan bahawa frasa ini digunakan untuk mengisyaratkan kepada kehinaan, seolah-olah seseorang itu dipenuhi dengan tanah pada hidungnya sehingga memalukannya³⁵.

Huraian Ibn ‘Allan ini agak baik kerana menghuraikan rasional penggunaan imej hidung yang dikotori oleh tanah dengan kehinaan maruah seseorang. Huraian ini secara tidak langsung membantu penterjemah memahami salah satu budaya masyarakat Arab serta mengelakkan daripada menghasilkan teks terjemahan yang kabur dalam bahasa sasar. Sudah tentu imej hidung yang dicemari tanah untuk menunjukkan kehinaan maruah adalah imej yang asing bagi masyarakat Melayu.

Penterjemahan metafora ini dalam KTRS dilihat selaras dengan huraian yang dibawa oleh Ibn ‘Allan. Teks terjemahan tidak mengekalkan maksud literal perkataan رَغِمَ أَنْفٌ yang bermaksud dikotori tanah tetapi terus sahaja menggunakan maksud metaforikal sebagai terjemahan.

Data 6, No. hadis: 1790

³⁴ Muslim, Kitab: *al-Birr wa al-Silah*, Bab: *Raghima anf man adraka*. No. hadis: 2551.

³⁵ Ibn ‘Allan, *ibid*, j: 2, hlm: 125.

(...أَهْلَكْتُمْ، أَوْ قَطَعْتُمْ ظَهْرَ الرَّجُلِ).

Terjemahan: “Engkau telah merosakkan lelaki itu dan engkau juga mematahkan punggungnya”.³⁶

Ulasan: Metafora dalam hadis ini terdapat pada frasa: قَطَعْتُمْ. إبانة بعض أجزاء الجرم من بعض فصلا. كقطع dihuraikan sebagai (memisahkan sebahagian jujuk sesuatu benda daripada bahagiannya yang lain)³⁷

Ibn ‘Allan menyatakan bahawa kebinasaan di sini ialah kebinasaan agama (هلاك الدين) kerana orang yang dipuji akan berasa takjub kepada diri sendiri dan berasa takbur, lebih baik dari orang lain, sudah pasti kedua-dua sifat ini menghancurkan seseorang yang memilikinya³⁸. Huraian Ibn ‘Allan ini selaras dengan pandangan al-‘Asqalaniyy yang menyatakan maksud metafora ini ialah kemusnahan dan kebinasaan kerana orang yang dipenggal lehernya sudah tentu akan mati, begitu juga orang yang dipotong belakangnya³⁹. Pendekatan Ibn ‘Allan di sini dengan secara terus menghuraikan maksud metafora tersebut dengan menerangkan bentuk persamaan antara kemudaratannya orang yang dipuji dengan kemudaratannya orang yang dipotong belakangnya.

Berdasarkan huraian Ibn ‘Allan terhadap frasa metaforikal ini jelaslah bahawa terjemahan KTRS mengambil pendekatan mengekalkan maksud literal yang terdapat pada metafora ini. Pengekalan makna literal ini (mematahkan punggungnya) menimbulkan kesukaran kepada pembaca sasaran untuk memahami maksud sebenarnya.

Data7, No. hadis: 1836

(لا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ حُحْرٍ مَرَّتَيْنِ).

³⁶ al-Bukhariyy, Kitab: *al-Syihadat*, Bab: *ma yukrah min al-itnab min al-madh*, no.hadis: 397.

³⁷ Ibn Manzur, 2003, *Lisan al-‘Arab*. Dar Sadir. J: 12, hlm: 139.

³⁸ Ibn Allan, 1996, *Dalil al-Falihin li Turuq Riyadh al-Salihin*, Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah J: 4, hlm: 550.

³⁹ al-‘Asqalaniyy, Ahmad bin ‘Ali bin Hajar. 1997. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Riyadh: Maktabat al-Salam, J: 4, hlm: 492.

Terjemahan: “Janganlah seseorang mukmin itu tertipu oleh orang lain sampai dua kali di dalam sesuatu hal.”⁴⁰

Ulasan: Keseluruhan hadis ini merupakan metafora dengan Rasulullah S.A.W menyamakan seorang penyair bernama Abu Izzah dengan seekor ular yang mematuk⁴¹.

Sebab hadis ini diungkap adalah dengan merujuk kepada peristiwa Abu ‘Izzah yang ditangkap dalam peperangan Badar oleh umat Islam, namun Rasulullah S.A.W memberikan pengampunan dan membebaskan penyair itu. Tetapi, dia ditangkap sekali lagi dalam peperangan Uhud lalu meminta dibebaskan.

Ibn ‘Allan menyatakan bahawa maksud metafora ini ialah seorang mukmin itu hendaklah sentiasa berjaga-jaga dan tidak leka agar tidak ditipu untuk kali kedua dengan sebab yang sama⁴². Pendekatan huraian di sini adalah dengan mendatangkan terus maksud metafora. Ibn ‘Allan tidak menghuraikan kaitan antara hubungan imej patukan sebanyak dua kali daripada lubang yang sama dengan makna metafora ini. Beliau juga tidak mendatangkan *sabab wurud al-hadis* yang dapat membantu penterjemah memahami metafora ini. Namun begitu, berasaskan huraian ini, dapat dilihat ianya memadai buat penterjemah untuk menterjemahkan frasa metaforikal tersebut.

Dapat disimpulkan bahawa terjemahan KTRS adalah dengan menggunakan terjemahan maknawi yang tidak bergantung kepada struktur metafora. Terjemahan KTRS juga dilihat bertepatan dengan maksud yang dibawakan oleh Ibn ‘Allan.

6. KESIMPULAN

Kitab-kitab *shuruh hadis* memainkan peranan yang penting dalam menghuraikan frasa metaforikal yang terdapat dalam hadis-hadis Rasulullah S.A.W. Kajian ringkas ini yang menumpukan kitab *Dalil al-Falihin* karangan Ibn ‘Allan al-Siddiqiyy mendapati ianya dapat membantu para penterjemah, secara khususnya, dalam menterjemahkan metafora yang terdapat dalam hadis Rasulullah S.A.W. dalam kitab *Riyadh al-Salihin*. Dapatan ini mengukuhkan

⁴⁰ al-Bukhariyy, Kitab: *al-Adab*, Bab: *la yuldagh al-mukmin min juhr marratain*, no.hadis: 439.

⁴¹ Fadl Hasan Abbas, 1998. *al-Balaghah: Funuhuha wa Afnanuha* ('*Ilm al-Bayan wa al-Badi'*). 'Amman-Jordan: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi'. hlm : 227.

⁴² Ibn ‘Allan, 1995. J: 4, hlm: 604.

lagi pandangan pengkaji-pengkaji terdahulu yang menekankan kepentingan penguasaan bidang teks yang ingin diterjemahkan.

Pendekatan *Dalil al-Falihin* dalam menghuraikan sebahagian sampel metafora yang dipilih adalah agak ringkas dan mudah, tanpa menghuraikan maksudnya secara terperinci merangkumi asal penggunaan frasa atau menghuraikannya dari aspek analisis *balaghiyy* yang merangkumi rukun-rukun metafora tersebut (*isti'arah*). Terdapat metafora yang dijelaskan dari aspek diksinya terlebih dahulu, dan sebahagian yang lain dihuraikan makna tanpa penjelasan makna literalnya. Pendekatan ini menjadikan penterjemah perlu merujuk kepada sumber-sumber lain bagi mengetahui perincian metafora yang tidak dihuraikan makna literalnya terlebih dahulu. Justeru, kamus seperti *Lisan al-'Arab* karangan Ibn Manzur dilihat dapat memenuhi aspek ini.

Kajian juga mendapati sebahagian metafora jelas diklasifikasikan oleh Ibn 'Allan dengan menyatakan bahawa ianya daripada kategori *isti'arah* (metafora), manakala sebahagian lagi tidak dinyatakan klasifikasinya, cukup sekadar menghuraikan maksudnya sahaja. Pengarang juga turut menggunakan pendekatan meriwayatkan pandangan ilmuan yang lain untuk menghuraikan makna sesuatu metafora dalam hadis Rasulullah S.A.W.

Dengan menjadikan kitab *Dalil al-Falihin* sebagai pengukur ketepatan terjemahan maksud metafora dalam KTRS, dapat disimpulkan bahawa KTRS tidak menggunakan satu pendekatan terjemahan yang konsisten dalam menterjemah metafora yang terdapat dalam kitab tersebut. Terdapat penterjemahan dengan menggunakan teknik literal dan terdapat penterjemahan dengan menggunakan teknik maknawi.

Huraian kitab *shuruh al-Hadis* seperti *Dalil al-Falihin* ini dilihat memainkan peranan yang signifikan dalam proses penterjemahan hadis. Permasalahan linguistik dan budaya yang sering menjadi kekangan utama dalam proses penterjemahan, khususnya penterjemahan metafora, mampu dirungkai oleh kitab-kitab ini. Ini mengukuhkan lagi pandangan ilmuan terjemahan yang menitikberatkan penguasaan penterjemah terhadap bidang teks yang ingin diterjemah.

RUJUKAN

- 1) 'Abbas, Fadl Hassan. 1998. *al-Balaghah: Funuhuha wa Afnanuha ('Ilm al-Bayan wa al-Badi')*. 'Amman-Jordan: Dar al-Furqan li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 2) 'Ananiyy, Muhammad. 2000. *Fann al-Tarjamah*. Beirut-Lubnan. Maktabah Lubnan.
- 3) al-'Asqalaniyy, Ahmad bin 'Ali bin Hajar. 1997. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Riyadh: Maktabat al-Salam.
- 4) Baker, Paul. 2010. *Sociolinguistics and Corpus Linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- 5) Hassan Ahmad. 1988. *Penterjemah Ialah Seorang Profesional, dalam: Bahasa Sastera Buku, Cetusan Hassan Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 6) Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. 2003. *Lisan al-'Arab*. Dar Sadir.
- 7) Ibrahim Zaki Khur Shid. 1985. *al-Tarjamah wa Mushkilatuha*. al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah lil kitab.
- 8) Dickins J, Hervev S., & Higgins, I. 2002. *Thinking Arabic Translation*. London: Routledge.
- 9) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. 2011. *Inovasi dan Transformasi Dakwah JAKIM Melalui Media*. Kertas Kerja Seminar Islam GRID Kedua 5 Disember 2011.
- 10) Kennedy, Graeme. 1998. *An Introduction to Corpus Linguistics*. London: Addison Wesley Longman.
- 11) Majdi Ibrahim. 2009. *al-Tarjamah bayn al-Arabiyyah wa al-Malayuwiyyah: al-Nazariyyat wa al-Mabadi'*. IIUM Press.
- 12) Muhammad Bilu. 1979. *Min Balaghat al-Sunnah*. Shari' al-Suq al-Tawfiyyat: Matba'at Atlas.
- 13) Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. *Penterjemahan Bahasa Figuratif Arab Melayu: Satu Analisis Teori Relevan*. Tesis Doktor Falsafah. Institut Alam dan Tamadun Melayu. UKM.
- 14) Muhammad Fauzi Jumingan, 2006, *Glosari Pengajian Ilmu Penterjemahan dan Interpretasi*, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- 15) Newmark, Peter. 2006. *al-Jami' fi al-Tarjamah*, (A Textbook of Translation). Terjemahan: Hassan Ghazzalah. Beirut: Dar wa Maktabat Hilal.
- 16) Norwati Md. Yusuf. 2003. *Saranan Kajian Korpus Terbanding dan Korpus Selari*. Himpunan kertas kerja persidangan penterjemahan antarabangsa ke-9. Hlm: 67-77.
- 17) al-Siddiqiyy, Muhammad bin 'Allan. 1995. *Dalil al-Falihin li Turuq Riyadh al-Salihin*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 18) *Terjemahan Riyadh al-Salihin*, Bahagian Hal Ehwat Islam, Jabatan Perdana Menteri.



PENGAJIAN HADITH DI MASJID DAN SURAU SEKITAR SHAH ALAM, SELANGOR TINJAUAN TERHADAP KEFAHAMAN HADITH

Mohd Azrin Bin Johari⁴³

Abstrak

Masjid dan surau merupakan institusi yang menjadi tumpuan orang Islam untuk melaksanakan ibadat dan juga menjalankan aktiviti keagamaan. Kuliah pengajian agama dalam pelbagai bidang sering dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid dan surau untuk memberi kefahaman agama yang tepat kepada masyarakat sekitar khususnya. Kuliah pengajian bidang hadith seperti huraian kitab syarah hadith, talaqi kitab hadith beserta sanad, majlis samaa' al-hadith dan sebagainya dilihat sebagai usaha yang dilakukan untuk memberi kefahaman hadith kepada masyarakat. Menyedari hal demikian, artikel ini mengkaji tahap kefahaman hadith daripada para pelajar yang mengikuti kuliah pengajian hadith di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Surau Al-Mawaddah Shah Alam, Selangor. Metodologi kajian yang dijalankan adalah melibatkan kajian kuantitatif dan kualitatif. Sebanyak 400 responden terlibat dalam menjawab borang soal selidik yang diedarkan di masjid dan surau tersebut. Dapatan kajian menunjukkan sebanyak 87.45% responden berada pada tahap yang amat bertambah pemahaman mereka dalam ilmu hadith dan peningkatan amalan seharian. Manakala, sebanyak 10.35% responden pula berada pada tahap bertambah dan sebanyak 2% responden mengatakan mereka pada tahap kurang bertambah. Tidak terdapat responden yang mengatakan berada pada tahap tidak bertambah dan hanya 0.2% responden mengatakan mereka pada tahap tidak pasti. Bantuan daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dilihat boleh merencanakan lagi pengajian hadith di setiap masjid dan surau seluruh negeri Selangor.

⁴³ Pelajar Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kata kunci; pengajian hadith, kefahaman, keberkesanan, metode penyampaian hadith, masjid dan surau.

PENDAHULUAN

Hadith merupakan perkataan, perbuatan, pengakuan serta sifat-sifat yang disandarkan kepada Rasulullah SAW.⁴⁴ Kedudukan hadith sebagai sumber kedua perundangan Islam selepas al-Quran menjelaskan bahawa kewajipan untuk setiap orang Islam mendalami lapangan ilmu dalam bidang hadith. Tugas utama hadith dari Rasulullah SAW juga memberi penerangan yang jelas mengenai al-Quran.⁴⁵ Memahami lafaz dan isi kandungan hadith dengan tepat amat penting supaya tidak berlaku salah faham terhadap sesuatu hadith.⁴⁶ Menguasai ilmu *musthalah al-hadith* membolehkan seseorang itu dapat mengetahui kaedah penyaringan antara hadith *maqbul* dengan *mardud*. Antara fungsi utama hadith adalah mengukuhkan fakta dalam al-Quran serta menghuraikan secara lebih terperinci perkara-perkara yang tidak disebut secara khusus oleh al-Quran.

Pengajian hadith seperti kuliah syarahan kitab hadith turut diajarkan dikebanyakkan masjid dan surau sekitar Selangor. Namun begitu, kitab-kitab yang membincangkan tentang ilmu *musthalah al-hadith* teramat jarang diajarkan di masjid atau surau sekitar Selangor. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan masyarakat beranggapan ilmu *musthalah al-hadith*⁴⁷ kurang penting. Padahal, ilmu *musthalah al-hadith* merupakan tunjang utama untuk memahami ilmu *riwayah* dan *dirayah* dalam pengajian hadith.⁴⁸

Pengajian bidang hadith di masjid dan surau di Selangor kelihatan sedikit ketinggalan jika dibandingkan dengan bidang pengajian yang lain seperti pengajian *fiqh*, akhlak dan sebagainya.

⁴⁴ al-Qadhaah, Syarif Mahmud. (2003). *al-Manhaj al-Hadith Fi 'Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: AlBayan Corporation Sdn. Bhd. hal. 19

⁴⁵ Nuruddin 'Itir. (1989). *Manhaj al-Nuqud Fi 'Ulum al-Hadith*. Damsyik: Dar al-Fikr, hal. 22

⁴⁶ John Burton. (1994). *An Introduction To The Hadith*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd. hal. 29

⁴⁷ Menurut al-Qaththan, ilmu *musthalah al-hadith* adalah ilmu yang membahaskan usul-usul atau kaedah-kaedah untuk mengetahui keadaan *sanad* dan *matan* hadith sama ada ditolak atau pun diterima.

⁴⁸ Mohd. Muhiden Abd. Rahman. (2010). *'Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka. hal. 2

Hal ini mungkin disebabkan kepentingan tentang ilmu hadith kurang diberi perhatian dan diketengahkan sebagai disiplin ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memberi kefahaman hadith yang tepat kepada masyarakat menjadi tanggungjawab dan kewajipan bersama terutamanya bagi mereka yang merasakan mereka adalah seorang *da'ie*. Menyampaikan hadith di masjid dan surau melalui pelbagai metode semasa oleh seseorang pengajar hadith juga dilihat sebagai usaha untuk memberi kefahaman hadith kepada masyarakat. Menyampaikan atau mensyarahkan hadith berorientasi kepada tiga sudut utama. Pertama, perkara yang berhubung dengan *sanad* iaitu menjelaskan tentang kedudukan setiap perawi yang terlibat dalam periwayatan hadith tersebut. Kedua, perkara yang berhubung dengan lafaz yang perlu merujuk kitab-kitab *al-gharib wa al-lughah*. Ketiga, perkara yang berhubung dengan makna hadith iaitu *fiqh al-hadith*.⁴⁹

Menurut Hasbi ash-Shiddieqy (1974), terdapat dua cara para sahabat menyampaikan hadith daripada Rasulullah SAW. Pertama, mereka menyampaikan hadith dengan lafaz yang asal daripada Rasulullah SAW iaitu mengikut lafaz yang mereka terima daripada baginda. Kedua, mereka menyampaikan maknanya bukan lafaznya kerana mereka tidak menghafal lafaz yang asal daripada baginda.⁵⁰

Jemaah Tabligh menyampaikan hadith menggunakan metode bacaan melalui kitab *fadhail 'amal* dan sebagainya. Aktiviti yang dilakukan oleh Jemaah Tabligh juga dilihat sebagai usaha untuk memberi kefahaman hadith kepada masyarakat akan tetapi mungkin pemilihan kitab hadith mereka boleh dipersoalkan.

Pihak masjid dan surau juga turut giat mewujudkan kuliah pengajian hadith demi melunaskan tanggungjawab memberi kefahaman hadith kepada masyarakat setempat. Namun begitu, kita dapati masyarakat yang mengikuti pengajian hadith di masjid dan surau tidak memahami hadith-hadith yang disampaikan.

⁴⁹ Bazmul, Muhammad Bin Umar. (t.t.). *Ilm Syarh al-Hadith Wa Rawafid al-Bahth fihi*. t.p. hal. 7-8

⁵⁰ T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy. (1974). *Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadith*. Jakarta: Kramat Kwitang. hal. 63

Buktinya, masih terdapat lagi perkara maksiat yang dilakukan seperti menghisap rokok selepas kuliah hadith, tidak menutup aurat dengan sempurna, mengamalkan perkara *bida'ah* dan sebagainya. ini menunjukkan tahap kefahaman masyarakat terhadap hadith tidak sempurna walaupun ada di antara mereka yang telah mengikuti pengajian hadith. Justeru, kajian ini telah dijalankan untuk melihat tahap kefahaman hadith sebenar masyarakat di Shah Alam, Selangor yang telah mengikuti pengajian hadith di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Surau Al-Mawaddah.

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini ditulis untuk memenuhi objektif berikut ;

- 1) Menganalisis tahap kefahaman hadith dikalangan pelajar yang mengikuti pengajian hadith di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Surau Al-Mawaddah.
- 2) Mengumpul maklumat berkaitan pengajian hadith di lokasi kajian.
- 3) Mengenalpasti kitab hadith yang diajar di lokasi kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Proses mengumpulkan maklumat yang diperlukan dalam kajian ini menggunakan gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kajian kuantitatif yang digunakan adalah soal selidik dengan diedarkan sebanyak 400 helai borang soal selidik untuk dijawab oleh 200 responden yang menghadiri kuliah pengajian hadith di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan 200 responden di Surau Al-Mawaddah. Kajian kualitatif melalui pemerhatian di lokasi kajian dilakukan untuk mendapatkan maklumat dan gambaran supaya hasil analisis lebih tepat.

Artikel kajian ini menumpukan kepada analisis tahap kefahaman hadith responden yang mengikuti pengajian hadith dengan tumpuan kepada keberkesanan dalam pertambahan pengetahuan tentang ilmu hadith dan pertambahan ilmu agama serta peningkatan amalan-amalan seharian. Pecahan skali untuk mengukur tahap kefahaman responden dibahagikan kepada lima, iaitu amat berkesan, berkesan, kurang berkesan, tidak berkesan dan tidak pasti.

PENGAJIAN HADITH DI MASJID SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH DAN SURAU AL-MAWADDAH:

Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) atau dikenali dengan Masjid Kubah Biru dibina atas kawasan seluas 14.6 hektar di tengah pusat Bandar Shah Alam. Masjid ini berdiri megah dengan lanskapnya yang indah dan terletak di sebahagian Tasik Shah Alam iaitu Tasik Raja Lumu yang memisahkan masjid ini dengan Pusat Sivik Shah Alam. Acara perasmiannya pada 11 Mac 1988, bersamaan dengan 23 Rejab 1408 Hijrah yang telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia, Sultan Selangor Darul Ehsan pada waktu itu. Masjid Negeri Selangor, pada masa kini merupakan masjid yang terbesar di Asia Tenggara. Ia berupaya untuk menampung 24000 orang jemaah dengan menggabungkan seni bina Islam dan melayu. Masjid ini terdiri daripada tiga tingkat dengan tingkat bawah terdapat Pejabat Pentadbiran, Bilik Persidangan, Bilik Tetamu dan Bilik Kuliah, tingkat satu pula terdapat Dewan Solat Utama, manakala tingkat dua terdapat sudut galeri. Struktur masjid adalah kombinasi seni rekabentuk tradisi Islam dan Asia Barat, India, barat dan ciri-ciri binaan melayu asli.⁵¹

Struktur Pentadbiran MSSAAS diketuai oleh seorang Imam Besar dengan pangkat jawatan S48 dan dibantu oleh tiga orang Imam dengan pangkat S41 yang mengetuai Unit Pembangunan Ibadah & Khidmat Sosial, Unit Pengajian & Dakwah, Unit Dakwah & Informasi. Imam Besar juga dibantu oleh Ketua Pentadbir bergred N27 yang mengetuai Unit Pengurusan & Kewangan.

Pengajian hadith di MSSAAS pula tertumpu kepada empat buah kitab hadith iaitu kitab *Shahih Muslim* karangan Imam Muslim yang diajar oleh Ustaz Hj. Ahmad Hj. Yusuf, kitab *Bulugh al-Maram* karangan Syeikh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqalani yang diajar oleh Dr. Wan Aminurrashid Wan Abd. Hamid, kitab *al-Adzkar* karangan Imam an-Nawawi yang diajar oleh Ustazah Masirah Maslan dan kitab Mustika Hadith karangan Dato' Hj. Muhd Nor Bin Hj. Ibrahim, Tn. Hj. Ismail Bin Yusuf dan Syeikh Abdullah Bin Muhd Basmih terbitan Jabatan Perdana Menteri yang diajar oleh Ustaz Nazri Asiabu.

⁵¹ www.mssaas.gov.my (dipetik pada 21 Mei 2011)

Surau Al-Mawaddah (SAM) yang beralamat di No. 3, Jalan Platinum 7/58, Seksyen 7, Shah Alam telah menerima kelulusan pendaftaran rasmi dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada 10 september 2004 (Ruj:BPM.01/032/260) melalui borang permohonan yang telah dikemukakan oleh AJK Penaja SAM ketika itu. Serentak dengan itu, di atas arahan JAIS, AJK Penaja SAM telah mengadakan mesyuarat agong tahunan pertama pada 29 januari 2005 yang telah disempurnakan perasmianya oleh Ustaz Mohd Nawi Abu Bakar. Ini bermakna, mulai 29 januari 2005, SAM merupakan sebuah surau yang telah diberikan tauliah oleh JAIS sebagai surau yang sah dan rasmi untuk diterajui oleh AJK SAM yang telah dilantik semasa mesyuarat agong pertama tersebut (Arizal, mei 2012).

Pada awal tahun 2006, pihak AJK SAM yang dilantik telah bersidang untuk memutuskan membuat permohonan kepada pihak JAIS bagi membenarkan SAM diadakan solat jumaat. Sehubungan itu, pada bulan disember 2006, pihak JAIS telah membenarkan SAM dijadikan sebagai tempat solat jumaat sehingga ke hari ini. Sehubungan dengan itu juga, pada bulan julai 2007, pihak JAIS telah mengeluarkan senarai nama penuh bagi jawatan Pengerusi dan AJK SAM untuk sesi 2007-2010 bagi meneruskan perjuangan dan amanah yang diberikan oleh ahli kariah. Menyedari amanah yang telah diberikan oleh pihak JAIS dan ahli kariah SAM, AJK SAM telah mengadakan beberapa aktiviti dan program khususnya yang merangkumi mesyuarat, kuliah harian, kuliah jemputan dan pembangunan fizikal dan rohani (Arizal, mei 2012).

Pada permulaannya, SAM hanya boleh menempatkan seramai 300 ahli jemaah sahaja. Bagi memenuhi keperluan dan kapasiti ahli kariah yang meningkat secara mendadak dan juga demi memastikan keselesaan para ahli jemaah, usaha menaiktaraf bahagian kiri, kanan dan belakang surau telah dilakukan. Penambahbaikan surau ini telah siap sepenuhnya pada awal tahun 2009. Sehingga kini, SAM mampu menampung seramai 3000 ahli jemaah dalam sesuatu masa (Arizal, mei 2012).

Terdapat enam buah kitab hadith yang diajar di Surau Al-Mawaddah. Kitab-kitab tersebut ialah kitab Shahih Bukhari karangan Imam Bukhari diajar oleh Ustaz Abu Islam Fathul Bari Mat Jahya, kitab *Syama'il al-Muhammadiyah* karangan Imam Tirmizi diajar oleh Ustaz Firdaus Saad, Kitab *Sunan Tirmizi*

karangan Imam Tirmizi diajar oleh Ustaz Hilmi Abdul Rahim, Kitab *Riyadh as-Shalihin* karangan Al-Hafizh Ibn Hajar al-Ashqalani diajar oleh Ustaz Muzairi Mustafa, Kitab *Matan Arba'in* karangan Imam an-Nawawi diajar oleh Ustaz Khairil Anwar Abdul Latiff dan Kitab *Husn al-Muslim* karangan Syeikh Said Ali al-Qathhani diajar oleh Ustaz Ustaz Masran Arsyad (Arizal, mei 2012).

METODOLOGI PENERIMAAN DAN PENYAMPAIAN HADITH:

Di dalam membahaskan metodologi penerimaan dan penyampaian hadith, para ulama hadith yang menulis kitab *musthalah al-hadith* bersepakat mengatakan bahawa terdapat hanya lapan metode *thuruq tahammul al-hadith* dalam bidang hadith yang diamalkan oleh para ulama pada zaman keemasan hadith, iaitu ;⁵²

1. Metode *as-samaa'*

Apabila kita membaca buku-buku *musthalah al-hadith* yang membincangkan tentang *thuruq tahammul al-hadith* kita akan dapati para ulama hadith bersepakat meletakkan metode penyampaian hadith secara *as-samaa'* dikedudukan yang utama berbanding metode-metode penyampaian hadith yang lain. Metode penyampaian hadith yang dimaksudkan dengan *as-samaa'* ialah seorang syeikh membacakan hadith kepada para pelajar samada syeikh itu membacakan hadith mengikut hafalannya atau catatannya dan para pelajar mendengar sambil mencatatkan hadith atau hanya mendengar sahaja tanpa mencatatnya.⁵³ Mendengar yang disertai dengan mencatatkan hadith lebih baik jika dibandingkan dengan hanya mendengar sahaja kerana tumpuan

⁵² Ibn al-Shalah. (t.t). *Muqaddimah Ibn al-Shalah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. hal. 50-70; Mahmud al-Thahhan. (1985). *Taisir Musthalah al-Hadith*. Iskandariah: Markaz al-Huda Lildirasat. hal. 121-135; Subhi ash-Shaleh. (2000). *'Ulum al-Hadith Wa Musthalahuh*. Lubnan: Darul Ilm Lilmalayin. hal. 88-104; al-Khatib, Muhammad 'Ajaj. (1981). *Ushul al-Hadith 'ulumu Wa Musthalahuh*. Beirtu : Dar al-Fikr. hal. 233-244; Mohd Muhiden Abd. Rahman. (2010). *op. cit.* hal. 158-165; hal. 158-162 al-Qaththan, Mannaa' Khalil. (2007). *Mabahith Fi 'Ulum al-Hadith*. Kaherah: Maktabah Wahbah

⁵³ Mahmud al-Thahhan. (1985). *loc. cit.* hal. 123; al-Khatib, Muhammad 'Ajaj. (1981). *loc. cit.* hal. 233-234

yang diberikan oleh para pelajar akan menjadi lebih terarah kepada sesuatu hadith yang didengar.

Antara lafaz penyampaian hadith yang digunakan dalam metode ini ialah "حدثنا" bermaksud telah menceritakan kepada kami, atau "حدثني" bermaksud telah menceritakan kepada saya, atau "سمعنا" bermaksud telah mendengarkan kepada kami, atau "سمعت" bermaksud telah menceritakan kepada saya atau "أبأنا" bermaksud telah memberitakan kepada kami, atau "أبأني" bermaksud telah memberitakan kepada saya, atau "أخبرنا" bermaksud telah mengkhabarkan kepada kami, atau "أخبرني" bermaksud telah mengkhabarkan kepada saya.

2. Metode *al-qiraah 'ala asy-syeikh*

Metode penyampaian hadith mengikut *al-qiraah 'ala asy-syeikh* juga dikenali dengan *al-'ardhu* dan *'ardhu al-qiraah*. Maksud kaedah ini ialah para pelajar membentangkan bacaan hadith daripada hafalannya atau kitab yang telah disemak oleh syeikh. Bacaan tersebut hendaklah berlaku dihadapan syeikh sambil akan ditashihkan oleh syeikh berdasarkan ingatannya atau kitabnya yang asal atau kitab yang telah ditashih. Kemungkinan juga orang yang *mentashih* adalah seorang pelajar yang *thiqah* atau seseorang pelajar yang dipercayai oleh syeikh. Terkadang juga setiap pelajar mempunyai kitab yang telah ditashihkan oleh syeikh dan dibaca oleh seseorang pelajar yang dipercayai oleh syeikh sambil didengar oleh semua pelajar yang lain ketika dihadapan syeikh.⁵⁴ Perlu untuk diketahui bahawa terdapat sebahagian ulama menilai bahawa mendengar (*as-samaa'*) dan membaca (*al-qiraah*) dihadapan syeikh merupakan perkara yang sama tarafnya.⁵⁵

Antara lafaz penyampaian hadith yang sering digunakan dalam metode ini ialah "قرأت على فلان" bermaksud saya telah membaca kepada fulan, atau "قرأت على فلان و أنا اسمع" bermaksud dibacakan kepada fulan dan saya mendengarnya, atau "حدثني بقراءة عليه" bermaksud telah menceritakan kepada saya bacaannya, atau"

⁵⁴ al-Khatib, Muhammad 'Ajaj. (1981). *loc. cit.* hal. 234

⁵⁵ H.M. Noor Sulaiman Pettalongi. (2009). *Antrologi Ilmu Hadith*. Jakarta: Gaung Persada Press, hal. 135

"حدثني بقراءة عليه و أنا اسمع" bermaksud telah menceritakan bacaannya dan saya mendengar, atau "أخبرني بقراءة عليه" bermaksud telah diberitakan kepada saya bacaannya, atau "أخبرني قراءة عليه و أنا اسمع" bermaksud telah mengkhabarkan kepada saya bacaannya dan saya mendengarnya.

3. Metode *al-ijazah*

Metode penyampaian hadith mengikut *al-ijazah* ialah seorang syeikh memberikan keizinan untuk meriwayatkan hadith sama ada keizinan itu dalam bentuk ucapan atau catatan. Contohnya, seorang syeikh menyatakan kepada para pelajarinya, "aku mengijazahkan (mengizinkan) kepada kamu untuk meriwayatkan kitab *shahih al-bukhari*." ⁵⁶ Lafaz sedemikian menunjukkan bahawa syeikh tersebut memberikan keizinan kepada pelajarinya untuk menyampaikan atau pun meriwayatkan hadith yang terdapat dalam kitab *shahih al-bukhari* yang telah diterimanya. Keizinan amat penting kerana membuktikan kepercayaan syeikh kepada pelajarinya untuk menyampaikan hadith.

Menurut Mohd Muhiden Abd. Rahman (2010), metode *al-ijazah* bermaksud keizinan daripada syeikh untuk meriwayatkan hadith kepada orang tertentu sama ada keizinan tersebut secara bertulis atau lisan. Cara ini amat berbeza sama sekali dengan dua cara sebelumnya. Melalui cara ini, hadith sama sekali tidak dibaca oleh syeikh, pihak syeikh atau pelajar. Sebab itulah ada dalam kalangan ulama terutamanya ulama *mutaqaddimin* yang menyatakan bahawa tidak boleh meriwayatkan hadith melalui kaedah ini kecuali dengan mematuhi beberapa syarat. Di antara syaratnya ialah syeikh hendaklah memaklumkan hadith yang diberi keizinan untuk meriwayatkannya dan kitab yang ada pada pelajar sama dengan kitab asal. Selain itu, syeikh juga mestilah terdiri daripada seorang ahli ilmu. Antara ulama yang berpandangan sedemikian ialah Hasan al-Basri dan Ibn Syihab al-Zuhri.⁵⁷

Antara lafaz penyampaian hadith yang digunakan dalam metode ini ialah "حدثني اجازة" bermaksud telah menceritakan kepada saya melalui *ijazah* atau "أخبرني اجازة" bermaksud telah mengkhabarkan kepada saya melalui *ijazah*.

⁵⁶ Mahmud Al-Thahhan. (1985). *loc. cit.* hal. 124

⁵⁷ Mohd Muhiden Abd. Rahman. (2010). *loc. cit.* hal. 161

4. Metode *al-munawalah*

Menurut Mohd Muhiden Abd. Rahman (2010), metode *al-munawalah* bermaksud seorang syeikh memberikan atau menghulurkan kepada para pelajarnya sebuah hadith atau beberapa hadith atau sebuah kitab supaya meriwayatkannya. Sebagai contoh, seorang syeikh memberikan sebuah kitab yang mengandungi hadith riwayatnya kepada para pelajarnya sambil berkata, "Ini adalah hadith yang aku dengar daripada fulan bin fulan."⁵⁸

Menurut H.M. Noor Sulaiman (2009) pula, metode *al-munawalah* bermaksud seorang syeikh memberikan satu hadith, atau beberapa hadith atau pun kitab hadith kepada para pelajarnya supaya para pelajarnya dapat meriwayatkan hadith tersebut daripadanya.⁵⁹ Metodologi ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu *al-munawalah* yang disertai *ijazah* dan *al-munawalah* tanpa disertai *ijazah*.

Antara lafaz penyampaian hadith yang sering digunakan dalam metode ini ialah "حدثني مناوله" bermaksud telah menceritakan kepada saya dengan *munawalah* atau "أخبرني مناوله" bermaksud telah menceritakan kepada saya dengan *munawalah*.

5. Metode *al-mukatabah*

Menurut Mohd Muhiden Abd. Rahman (2010), metode *al-mukatabah* bermaksud seorang syeikh menulis dengan tulisannya sendiri atau syeikh menyuruh salah seorang daripada pelajarnya untuk menulis hadith riwayatnya untuk diberikan kepada para pelajar yang hadir atau pun tidak hadir dan dikirimkan catatan tersebut kepada pelajar yang tidak hadir melalui orang yang *thiqah*.⁶⁰

Menurut al-Thahhan (1985), metode *al-mukatabah* ialah seorang syeikh mencatatkan hadith dengan tulisannya sendiri atau menyuruh seseorang menuliskannya untuk diberikan kepada para pelajar yang hadir atau yang tidak hadir. Metode ini terbahagi

⁵⁸ *ibid.* hal. 161

⁵⁹ H.M. Noor Sulaiman Pettalangi. (2009). *loc.cit.* hal. 141

⁶⁰ *ibid.* hal. 162

kepada dua bahagian iaitu *al-mukatabah* yang disertai *ijazah* dan *al-mukatabah* tanpa disertai *ijazah*.⁶¹

Antara lafaz penyampaian hadith yang sering digunakan dalam metode ini ialah "حدثني كتابة" bermaksud telah menceritakan kepada saya dengan *kitabah* atau "أخبرني كتابة" bermaksud telah menceritakan kepada saya dengan *kitabah*.

6. Metode *al-i'laam*

Menurut Mohd Muhiden Abd. Rahman (2010), maksud metode *al-i'laam* ialah pemberitahuan. Hal ini merujuk kepada seorang syeikh memberitahu para pelajarnya bahawa hadith ini atau kitab ini merupakan riwayatnya yang didengarinya daripada fulan bin fulan tanpa dinyatakan keizinan meriwayatkannya atau sebaliknya.⁶²

Menurut al-Thahhan (1985) pula, metode *al-i'laam* ialah seorang syeikh memberitahu kepada para pelajarnya bahawa hadith tertentu atau kitab tertentu didengarinya.⁶³ Manakala menurut Mustafa al-'Azhami (1977), metode *al-i'laam* ialah pemberitahuan oleh seseorang syeikh bahawa dia telah mendapat keizinan untuk meriwayatkan sesuatu hadith atau kitab hadith.⁶⁴

Antara lafaz penyampaian hadith yang digunakan dalam metode ini ialah "حدثني اعلاما" bermaksud telah menceritakan kepada saya dengan *al-'ilaam* atau "أخبرني اعلاما" bermaksud telah menceritakan kepada saya dengan *al-'ilaam*.

7. Metode *al-washiyyah*

Menurut Mohd Muhiden Abd. Rahman (2010), *al-washiyyah* bermaksud seorang syeikh mewasiatkan kepada para pelajarnya sebuah kitab yang mengandungi hadith-hadith riwayatnya supaya diriwayatkan samada wasiat tersebut diberi sebelum dia musafir atau ketika ajalnya hampir tiba.⁶⁵ Menurut al-Thahhan (1985) pula, metode *al-washiyyah* ialah seorang syeikh berwasiat kepada seseorang mengenai kitab catatannya sebelum dia pergi bermusafir

⁶¹ Mahmud Al-Thahhan (Dr.) (1985), *loc. cit.* hal. 126

⁶² *ibid.* hal. 163

⁶³ Mahmud Al-Thahhan (Dr.) (1985), *loc. cit.* hal. 127

⁶⁴ Muhammad Mustafa Al-'Azhami. (1977). *Studies In Hadith Methodology And Literature*. Indianapolis: American Trust Publications. hal. 21

⁶⁵ Mohd Muhiden Abd. Rahman (Dr.) (2010), *loc. cit.* hal. 164

atau sebelum kematiannya. Para ulama berbeza pendapat di dalam menentukan kebolehan meriwayatkan hadith melalui metode ini.⁶⁶

Antara lafaz penyampaian hadith yang sering digunakan dalam metode ini ialah "حدثني وصية" bermaksud telah menceritakan kepada saya dengan *al-washiyyah* atau "أخبرني وصية" bermaksud telah menceritakan kepada saya dengan *al-washiyyah*.

8. Metode *al-wijadah*

Menurut Mohd Muhiden Abd. Rahman (2010), *al-wijadah* bermaksud hadith yang diterima melalui penemuan samada ditemui daripada kitab atau *shahifah* dan sebagainya tanpa adanya *al-sima'*, *al-ijazah* atau *al-munawalah*.⁶⁷

Contoh kaedah *al-wijadah* ialah seorang pelajar menemui atau mendapati sebuah kitab yang ditulis oleh seorang syeikh yang sezaman dengannya sama ada dia pernah menemuinya atau sebaliknya dan dia mengenali khat atau tulisan syeikh tersebut atau dia menemui tulisan syeikh yang tidak sezaman dengannya tetapi dia yakin bahawa kitab tersebut benar-benar kepunyaan syeikh tersebut sama ada melalui bantuan mereka yang berpengalaman atau melalui populariti kitab tersebut atau melalui sanad kitab tersebut. Apabila dia dapat memastikan kesahihan kitab tersebut kepada syeikh tersebut, maka harus baginya meriwayatkan kitab tersebut dengan cara hikayat atau menceritakan semula tetapi bukannya dengan kaedah *as-sima'*. Ini berdasarkan riwayat sebahagian ulama salaf daripada beberapa *suhuf* atau kitab. Namun cara ini amat jarang sekali diamalkan oleh perawi hadith pada zaman awal Islam. Hal ini kerana kebanyakan ulama lebih mengutamakan periwayatan dengan cara *as-sima'* atau *qiraat 'ala asy-syeikh*. Bahkan terdapat juga dalam kalangan ulama salaf yang mencela perawi hadith yang menerima hadith melalui cara ini sehinggakan mereka menghukumnya daif kerana termasuk dalam kategori hadith *munqati'* iaitu terputus sanadnya disebabkan pelajar tidak menemui syeikhnya.⁶⁸

⁶⁶ Mahmud Al-Thahhan (Dr.) (1985), *loc. cit.* hal. 127-128

⁶⁷ *ibid.* hal. 164

⁶⁸ *ibid.* hal. 164-165


Antara lafaz penyampaian hadith yang sering digunakan dalam metode ini ialah "وجدت بخط فلان قال أخبرني" bermaksud saya mendapati melalui tulisan fulan yang berkata bahawa dia mengkhabarkan kepada saya, atau "وجد بخطاب ذكر أنه لفان قال أخبرني" bermaksud dia mendapatkan catatan dan dia menyebutnya bahawa untuk fulan dia berkata dia mengkhabarkan kepada saya, atau "وجدت بخط قيل أنه لفان قال أخبرني" bermaksud saya mendapatkan tulisan dikatakan untuk fulan dia berkata dia mengkhabarkan kepada saya.

Namun begitu, segala metode penerimaan dan penyampaian hadith yang dibincangkan di atas hanya berlaku pada zaman keemasan periwayatan hadith. Pada zaman sekarang metode penyampaian hadith lebih tertumpu kepada metode ceramah, diskusi, soal jawab dan *talaqi*. Metode ceramah ialah pengajar mensyarahkan hadith dan pelajar yang hadir hanya mendengar sahaja tanpa dibuka ruangan untuk pertanyaan. Metode ini kerap digunakan di masjid dan surau apabila bilangan pelajar yang datang terlalu ramai. Manakala metode diskusi pula ialah pengajar membuka ruang diskusi sesuatu hadith untuk dibahaskan dan pelajar bebas untuk memberikan kritikan atau pun pandangannya tersendiri. Metode soal jawab pula ialah pengajar membuka ruangan untuk melontarkan soalan seluasnya oleh pelajar selepas memberi penerangan tentang sesuatu hadith. Seterusnya metode *talaqi* ialah pengajar hanya menggunakan kitab hadith yang tertentu sahaja dan mengajarkan kitab tersebut sehingga tamat. Terkadang juga pengajar yang mengajarkan kitab tersebut mempunyai *sanad* kitab daripada gurunya kemudian beliau akan memberikan *sanad* kitab itu kepada pelajarnya. Antara metode berikut, metode ceramah adalah metode yang paling kerap digunakan dalam menyampaikan hadith di masjid dan surau.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN:


Segala dapatan hasil kajian dipaparkan pada carta-carta pai berikut;

Carta Pai 1: Pertambahan Pengetahuan Tentang Kitab-kitab Hadith



Carta pai di atas menunjukkan pertambahan pengetahuan responden tentang kitab-kitab hadith. Sebanyak 53% (210 orang) responden mengatakan amat bertambah selepas mengikuti pengajian hadith. Manakala 44% (177 orang) responden mengatakan bertambah dan sebanyak 3% (12 orang) responden mengatakan kurang bertambah. Tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah atau tidak pasti dalam pertambahan kitab-kitab hadith selepas mengikuti pengajian hadith.


Carta Pai 2 : Pertambahan Pengetahuan Tentang Ulama-ulama Hadith



Carta pai di atas menunjukkan pertambahan pengetahuan responden tentang ulama-ulama hadith selepas mengikuti pengajian hadith. Sebanyak 94% (376 orang) responden mengatakan amat bertambah pengetahuan tentang ulama-ulama hadith dan sebanyak 6% (24 orang) responden mengatakan bertambah pengetahuan tentang ulama-ulama hadith selepas


mengikuti pengajian hadith. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti dalam pertambahan pengetahuan tentang ulama-ulama hadith selepas mengikuti pengajian hadith.

Carta Pai 3: Pertambahan Pengetahuan Tentang Matan (teks) Hadith




Carta pai di atas menunjukkan pertambahan pengetahuan responden tentang *matan* (teks) hadith selepas mengikuti pengajian hadith. Sebanyak 97% (390 orang) responden mengatakan amat bertambah pengetahuannya tentang teks hadith selepas mengikuti pengajian hadith dan 3% (10 orang) responden pula mengatakan bertambah. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti dalam pertambahan pengetahuannya dalam teks hadith selepas mengikuti pengajian hadith.

Carta Pai 4: Pertambahan Pengetahuan Tentang Rawi (periwayat) Hadith




Carta pai di atas menunjukkan pertambahan pengetahuan responden tentang rawi (periwayat) hadith dengan sebanyak 97% (390 orang) responden mengatakan pengetahuannya amat bertambah dalam mengenali periwayat hadith dan 3% (10 orang) responden pula mengatakan bertambah pengetahuannya mengenali periwayat hadith selepas mengikuti pengajian hadith. Tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti pengetahuan mereka dalam perkara di atas.

Carta Pai 5: Pertambahan Pengetahuan Tentang Asbab Wurud (sebab muncul) Hadith



Carta pai di atas menunjukkan pertambahan pengetahuan responden tentang *asbab wurud* (sebab muncul) hadith selepas mengikuti pengajian hadith. Sebanyak 39% (156 orang) responden mengatakan amat bertambah pengetahuannya tentang sebab muncul hadith selepas mengikuti pengajian hadith dan 42% (171 orang) responden pula mengatakan bertambah. Sebanyak 15% (59 orang) responden pula mengatakan kurang bertambah dan 4% (14 orang) responden mengatakan tidak pasti. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah pengetahuannya dalam sebab muncul hadith selepas mengikuti pengajian hadith.


Carta Pai 6 : Pertambahan Pengetahuan Tentang Kedudukan Hadith (Shahih, Hasan, Dhaif dan Maudhu')



Carta pai di atas menunjukkan pertambahan responden tentang kedudukan status sesuatu hadith setelah mengikuti pengajian hadith di masjid dan surau tersebut. Sebanyak 98% (391 orang) responden mengatakan tahap amat bertambah dan sebanyak 2% (9 orang) mengatakan tahap bertambah pengetahuan mereka tentang status sesuatu hadith selepas mengiktui pengajian hadith. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan pengetahuan mereka tentang status sesuatu hadith kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti.

Melihat kepada semua responden yang mengatakan pengetahuan tentang kedudukan hadith mereka bertambah, ini membuktikan pengajian hadith di lokasi kajian telah berjaya memberikan kefahaman tentang hadith kepada masyarakat sekitar. Kita menyedari tentang pentingnya untuk setiap orang Islam mengetahui kedudukan hadith sebelum mengamalkan sesuatu hadith atau pun untuk menyampaikan kepada orang yang lain.


Carta Pai 7: Pertambahan Minat Untuk Menghafal Hadith-hadith Yang Dipelajari



Carta pai di atas menunjukkan pertambahan minat responden


untuk terus menghafal hadith-hadith yang dipelajari. Sebanyak 72% (291 orang) responden mengatakan amat bertambah dan 21% (82 orang) responden mengatakan bertambah minat untuk terus menghafal hadith-hadith yang dipelajari. Manakala terdapat sebanyak 7% (27 orang) responden mengatakan kurang bertambah minat untuk terus menghafal hadith-hadith yang dipelajari. Tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah dan tidak pasti minatnya untuk terus menghafal hadith-hadith yang dipelajari.

Carta Pai 8: Pertambahan Minat Untuk Berterusan Mempelajari Ilmu Hadith




Berdasarkan carta pai di atas menunjukkan pecahan peratusan minat responden untuk terus mempelajari ilmu hadith. Sebanyak 99% (395 orang) responden amat bertambah dan 1% (5 orang) responden bertambah minat untuk terus mempelajari ilmu hadith. Manakala tidak terdapat responden yang kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti minatnya untuk terus mempelajari ilmu hadith.

Carta Pai 9 : Pertambahan Kesedaran Terhadap Kepentingan Pengajian Ilmu Hadith




Carta pai di atas menunjukkan pertambahan kesedaran responden terhadap kepentingan pengajian ilmu hadith. Sebanyak 99% (396 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 1% (4 orang) responden mengatakan bertambah kesedarannya terdapat kepentingan ilmu hadith. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti kesedarannya terhadap kepentingan pengajian ilmu hadith.

Carta Pai 10 : Pertambahan Untuk Beramal Dengan Hadith-hadith Shahih




Carta pai di atas menunjukkan pecahan peratusan pertambahan responden untuk beramal dengan hadith-hadith shahih. Sebanyak 99% (397 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 1% (3 orang) bertambah keinginan untuk beramal dengan hadith-hadith shahih yang telah dipelajarinya. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah atau tidak pasti dalam pertambahan untuk beramal dengan hadith-hadith shahih yang telah dipelajarinya.

Carta Pai 11 : Pertambahan Keimanan Kepada Allah Taala




Carta pai di atas menunjukkan pecahan peratusan pertambahan ilmu tentang keimanan kepada Allah dikalangan responden. Sebanyak 98% (392 orang) responden mengatakan amat bertambah pengetahuannya dan sebanyak 2% (8 orang) responden mengatakan bertambah pengetahuannya tentang keimanan kepada Allah Taala. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti berkenaan perkara di atas.

Carta Pai 12: Pertambahan Ilmu Tentang Hari Kiamat



Carta pai di atas pula menunjukkan pertambahan ilmu tentang hari kiamat dengan sebanyak 80% (321 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 19% (76 orang) responden mengatakan bertambah ilmu tentang hari kiamat. Manakala sebanyak 1% (3 orang) mengatakan kurang bertambah ilmu tentang hari kiamat. Tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah dan tidak pasti tentang perkara di atas.


Carta Pai 13: Pertambahan Ilmu Tentang Akidah Yang Benar



Berdasarkan carta pai di atas menunjukkan pecahan peratusan pertambahan ilmu tentang akidah yang benar dikalangan responden. Sebanyak 94% (375 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 6% (25 orang) bertambah ilmu


tentang akidah yang benar. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti tentang pertambahan ilmu dalam akidah yang benar.

Carta Pai 14: Pertambahan Dalam Melaksanakan Amalan-amalan Sunat



Berdasarkan carta pai di atas adalah menerangkan tentang pertambahan dalam melaksanakan amalan-amalan yang sunat dengan sebanyak 76% (302 orang) responden mengatakan amat bertambah dan sebanyak 15% (61 orang) responden mengatakan bertambah dalam melaksanakan amalan-amalan sunat selepas mengikuti pengajian hadith. Manakala 9% (37 orang) responden pula mengatakan kurang bertambah dalam melaksanakan amalan-amalan sunat selepas megikuti pengajian hadith. Namun, tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah dan tidak pasti dalam perkara di atas.

Carta Pai 15: Pertambahan Kesedaran Untuk Meninggalkan Perkara-perkara Maksiat




Carta pai di atas menjelaskan tentang pertambahan kesedaran untuk meninggalkan perkara-perkara maksiat dengan kesemua

responden mengatakan amat bertambah kesedaran mereka untuk meninggalkan perkara-perkara maksiat selepas mengikuti pengajian hadith. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan bertambah, kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti dalam meninggalkan perkara-perkara maksiat selepas mengikuti pengajian hadith.


Ancaman daripada hadith-hadith kepada orang-orang yang melakukan kemaksiatan menyebabkan responden sedar dan berusaha sedayanya untuk meninggalkan perkara-perkara maksiat. Hal ini dapat dilihat dengan 100% (400 orang) responden mengatakan pengajian hadith amat membantu dalam pertambahan kesedaran mereka.

Carta Pai 16: Pertambahan Kesedaran Untuk Mendekati Al-Quran




Pecahan peratusan pertambahan kesedaran responden untuk mendekati Al-Quran setelah mengikuti pengajian hadith dipaparkan melalui carta pai di atas. Sebanyak 98% (393 orang) mengatakan amat bertambah dan sebanyak 2% (7 orang) responden mengatakan bertambah kesedaran mereka mendekati Al-Quran setelah mengikuti pengajian hadith. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti tentang perkara di atas.

Carta Pai 17: Pertambahan Pengetahuan Tentang Kehidupan Rasulullah SAW




Carta pai di atas menerangkan tentang pertambahan pengetahuan responden berkaitan kehidupan Rasulullah SAW. Sebanyak 95% (381 orang) responden mengatakan amat bertambah dan 5% (19 orang) responden pula mengatakan bertambah pengetahuannya tentang kehidupan Rasulullah SAW setelah mengikuti pengajian hadith. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti dalam perkara di atas.

Carta Pai 18: Pertambahan Kesedaran Untuk Memperbaiki Akhlak




Berdasarkan carta pai di atas menunjukkan tentang pertambahan kesedaran untuk memperbaiki akhlak dengan kesemua responden mengatakan amat bertambah kesedaran mereka setelah mengikuti pengajian hadith. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan bertambah, kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti tentang perkara di atas.

Carta Pai 19 : Pertambahan Kesedaran Menunaikan Zakat



Carta pai di atas menerangkan tentang kesedaran menunaikan zakat dengan 94% (376 orang) responden mengatakan amat bertambah dan 6% (24 oarng) responden mengatakan bertambah kesedaran untuk menunaikan zakat. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan bertambah, kurang bertambah, tidak bertambah dan tidak pasti tentang perkara di atas.

Carta Pai 20: Pertambahan Memupuk Sifat Sabar Dalam Diri



Dengan merujuk kepada pecahan peratusan melalui carta pai di atas dapatan sebanyak 67% (267 orang) responden mengatakan amat bertambah dan 28% (112 orang) responden pula mengatakan bertambah sifat sabar dalam diri mereka setelah mengikuti pengajian hadith. Sebanyak 5% (21 orang) responden mengatakan kurang bertambah sifat sabar dalam diri mereka. Manakala tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah dan tidak pasti tentang perkara di atas.

Ringkasan Jadual Peratusan Kefahaman Pengajian Hadith Di Lokasi Kajian

PERKARA	AB	B	KB	TB	TP
Keberkesanan Pengajian Hadith Terhadap Responden Dalam Pertambahan Pengetahuan Ilmu Hadith	%	%	%	%	%
Pertambahan Pengetahuan Tentang Kitab-kitab Utama Hadith	53	44	3	0	0
Pertambahan Pengetahuan Tentang Ulama-ulama Hadith	94	6	0	0	0
Pertambahan Pengetahuan Tentang <i>Matan</i> (Teks) Hadith	97	3	0	0	0
Pertambahan Pengetahuan Tentang <i>Rawi</i> (Periwayat) Hadith	97	3	0	0	0
Pertambahan Tentang <i>Asbab Wurud</i> (Sebab Muncul) Hadith	39	42	15	0	4
Pertambahan Pengetahuan Tentang Kedudukan Sesuatu Hadith (<i>Shahih, Hassan, Dha'if</i> dan <i>Maudhu'</i>)	98	2	0	0	0
Pertambahan Minat Untuk Menghafal Hadith-hadith Yang Dipelajari	72	21	7	0	0
Pertambahan Minat Untuk Berterusan Mempelajari Ilmu Hadith	99	1	0	0	0
Pertambahan Kesedaran Terhadap Kepentingan Pengajian Ilmu Hadith	99	1	0	0	0
Pertambahan Untuk Beramal Dengan hadith-hadith <i>Shahih</i>	99	1	0	0	0

Keberkesanan Pengajian Hadith Terhadap Responden Dalam Pertambahan Ilmu Agama Dan Peningkatan Amalan-amalan Seharian	%	%	%	%	%
Pertambahan Keimanan Kepada Allah Taala	98	2	0	0	0
Pertambahan Ilmu Tentang Hari Kiamat	80	19	1	0	0
Pertambahan Ilmu Tentang Akidah Yang Benar	94	6	0	0	0
Pertambahan Dalam Melaksanakan Amalan-amalan Sunat	76	15	9	0	0
Pertambahan Kesedaran Untuk Meninggalkan Perkara-perkara Maksiat	100	0	0	0	0
Pertambahan Kesedaran Untuk Mendekati Al-Quran	98	2	0	0	0
Pertambahan Pengetahuan Tentang Kehidupan Rasulullah SAW	95	5	0	0	0
Pertambahan Kesedaran Untuk Memperbaiki Akhlak	100	0	0	0	0
Pertambahan Kesedaran Untuk Menunaikan Zakat	94	6	0	0	0
Pertambahan Memupuk Sifat Sabar Dalam Diri	67	28	5	0	0
Peratusan Keseluruhan	87.45	10.3 5	2	0	0.2

Rujukan Singkatan:

AB = Amat Bertambah, **B** = Bertambah, **KB** = Kurang Bertambah,

TB = Tidak Bertambah, **TP** = Tidak Pasti

Berdasarkan dapatan kajian di atas menunjukkan peratusan yang amat tinggi iaitu 87.45% responden mengatakan amat bertambah tahap kefahaman hadith mereka, manakala sebanyak 10.35% responden mengatakan bertambah tahap kefahaman hadith mereka setelah mengikuti pengajian hadith di masjid dan surau tersebut. Hanya 2% responden mengatakan kurang bertambah tahap kefahaman hadith dan 0.2% responden mengatakan tidak pasti tahap kefahaman hadith mereka bertambah atau sebaliknya. Tidak terdapat responden yang mengatakan tidak bertambah tahap kefahaman hadith setelah mengikuti pengajian hadith di masjid dan surau tersebut.

Berpandukan kepada analisis daripada maklumat yang didapati di atas, amat jelas bahawa penyampaian hadith yang diajarkan oleh pengajar di lokasi kajian memberikan tahap kefahaman begitu tinggi kepada pelajar yang mengikutinya. Hal ini juga memberikan gambaran bahawa metode penyampaian hadith yang digunakan oleh pengajar adalah menarik dan berkesan. Pendekatan penyampaian hadith oleh pengajar seperti yang diamalkan oleh Rasulullah SAW iaitu lemah lembut, menggunakan bahasa yang sesuai, menggunakan aidaian, mengualangi penyampaian, ringkas dan padat serta menegur secara keras membolehkan hadith itu mudah untuk difahami oleh pelajar.⁶⁹ Selain itu juga, dapat kita katakan bahawa tahap keilmuan hadith dikalangan pengajar hadith adalah mencukupi kerana mampu menyampaikan hadith dengan jelas dan tepat.

PENUTUP

Hasil daripada dapatan kajian juga telah memberikan beberapa maklumat penting tentang pengajian hadith di masjid dan surau. Pengajian hadith di masjid dan surau perlu diteruskan kerana ianya amat membantu dalam menambahkan kefahaman masyarakat setempat tentang hadith. Pihak masjid dan surau juga perlu mempelbagaikan lagi bentuk program pengajian hadith bukan hanya penyampaian dalam metode ceramah sahaja kerana dikhuatiri akan menjemukan mereka yang mengikutinya. Bantuan

⁶⁹ Muhammad Bin Ismail. (1987). *Metode Penyampaian Dan Penerimaan Hadith Di Zaman Rasulullah SAW Dan Sahabat*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). hal. 75-88

keuangan serta bekalan tenaga pengajar daripada Jabatan Agama Islam Selangor boleh merancakkan lagi pengajian hadith di masjid dan surau. Masyarakat juga disarankan merebut peluang pengajian hadith di masjid dan surau berdekatan untuk menambahkan kefahaman hadith dengan tepat.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan menunjukkan peratusan sebanyak 97.8% responden mengatakan bertambah tahap kefahaman mereka tentang hadith setelah mengikuti pengajian hadith di masjid dan surau tersebut. Hal ini tidak dapat dinafikan lagi kerana peratusan yang begitu besar telah membuktikan pengajian hadith di masjid dan surau dapat membantu masyarakat dalam memahami hadith. Kefahaman yang baik dalam hadith akan membantu masyarakat menghindari perkara-perkara *bida'ah* dalam agama dan menyuburkan *sunnah* dalam kehidupan.

RUJUKAN

- 1) Al-Qadhaah, Syarif Mahmud. (2003). *al-Manhaj al-Hadith Fi 'Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur: AlBayan Corporation Sdn. Bhd.
- 2) al-Qaththan, Mannaa' Khalil. (2007). *Mabahith Fi 'Ulum al-Hadith*. Kaheerah: Maktabah Wahbah
- 3) al-Khatib, Muhammad 'Ajaj. (1981). *Ushul al-Hadith "ulumu Wa Musthalahuh*. Beirtu : Dar al-Fikr.
- 4) Bazmul, Muhammad Bin Umar. (t.t.). *'Ilm Syarh al-Hadith Wa Rawafid al-Bahth fih*. t.p.
- 5) .M. Noor Sulaiman Pettalongi. (2009). *Antrologi Ilmu Hadith*. Jakarta: Gaung Persada Press
- 6) Ibn al-Shalah. (t.t). *Muqaddimah Ibn al-Shalah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 7) John Burton. (1994). *An Introduction To The Hadith*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.
- 8) Mahmud al-Thahhan. (1985). *Taisir Musthalah al-Hadith*. Iskandariah: Markaz al-Huda Lildirasat.
- 9) Mohd. Muhiden Abd. Rahman. (2010). *'Ulum al-Hadith*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka. hal. 2
- 10) Muhammad Mustafa Al-'Azhami. (1977). *Studies In Hadith Methodology And Literature*. Indianapolis: American Trust Publications.
- 11) Muhammad Bin Ismail. (1987). *Metode Penyampaian Dan Penerimaan Hadith Di Zaman Rasulullah SAW Dan Sahabat*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- 12) Nuruddin 'Itir. (1989). *Manhaj al-Nuqud Fi 'Ulum al-Hadith*. Damsyik: Dar al-Fikr
- 13) Subhi ash-Shaleh. (2000). *'Ulum al-Hadith Wa Musthalahuh*. Lubnan: Darul Ilm Lilmalayin.

- 14) T.M. Hasbi Ash-Shiddieqy. (1974). *Sejarah Dan Pengantar Ilmu Hadith*. Jakarta: Kramat Kwitang. hal. 63

Website;

- 15) www.mssaas.gov.my

Temubual;

- 16) Encik Arizal Bin Adanan
17) (Setiausaha Surau Al-Mawaddah)
18) Ustaz Khairul Bin Mulim
19) (Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah)

